# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

**Memartabat Bumiputera seiring Ekonomi MADANI**



Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)

# Memartabat Bumiputera seiring Ekonomi MADANI

Tiga Teras, 12 Pemacu dan 132 Ikhtiar bermatlamat mencipta nilai melalui pendekatan lebih produktif dan bersepadu bagi mendorong Bumiputera untuk terus berkembang maju.

*Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Mahani Ishak* → Nasional 4, 5

TERAS 1

**Memperkukuh pasak ekonomi negara**

Memiliki lima Pemacu dan 71 Ikhtiar bagi memperkukuh teras ekonomi melalui penguasaan ekonomi; peningkatan daya saing dan penskalaan; pembangunan bakat dan pemerkasaan ekosistem pendidikan; penciptaan kekayaan dan peningkatan pemilikan ekuiti.

TERAS 2

**Memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi**

Memiliki tiga Pemacu dan 20 Ikhtiar bagi memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi melalui penyampaian perkhidmatan dan tatakelola; penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); serta penghayatan dan falsafah Bumiputera.

TERAS 3

**Menegakkan keadilan sosial**

Memiliki empat Pemacu dan 41 Ikhtiar untuk membasmi kemiskinan tegar; memperkukuh sistem perlindungan sosial; membangunkan sosioekonomi Orang Asli dan memperkukuh pembangunan Sabah dan Sarawak.

Bursa Malaysia catat paras 1,648.70, tertinggi sejak Disember 2020 Bisnes 23